

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM NEGERI SABAH 2008


BAHAGIAN IV

CUTI




Kemudahan Cuti

- Cuti Rehat
- Cuti Separuh Gaji
- Cuti Tanpa Gaji
- Cuti Belajar Tanpa Gaji
- Cuti Atas Sebab Kesihatan
- Cuti Menunaikan Fardhu Haji
- Cuti Tanpa Rekod
- Cuti Kerana Berkursus
- Cuti Umrah
- Cuti Keagamaan



TAFSIRAN CUTI (Peraturan 142)

- **seseorang pegawai dibenarkan meninggalkan tugasnya**
- **tidak dikira sebagai putus perkhidmatan**




TAFSIRAN CUTI REHAT

Cuti bergaji penuh yang diberikan kerana perkhidmatan yang melayakkan dalam sesuatu tahun, dari bulan Januari hingga Disember.



TAFSIRAN CUTI SAKIT


Cuti bergaji penuh yang diberikan kerana sebab-sebab kesihatan dengan sijil sakit daripada pegawai perubatan kerajaan atau doktor-doktor lain yang diiktiraf.



Dasar Cuti Rehat


Peraturan 143

Cuti rehat diambil pada tiap-tiap tahun oleh pegawai untuk tujuan kecekapan dan juga untuk kepentingan pegawai sendiri.



Kronologi kelayakan cuti tahunan

1. 1963 – 1971: (Peraturan Am 1957) Bahagian Cuti © 239(i) dan General Order 1969 Regulation 90 (i)
2. 1972 – 1977 : Service Circular Bil 7/1971 (Laporan Suffian)
3. 1978 – 1991 : Laporan Jawatankuasa Kabinet (CCR) Bil.1/1978
4. 1992 : Sistem Saraan Baru (SSB) PP Bil 9/1991
5. 2002 : Sistem Saraan Malaysia (SSM) PP Bil. 4/2002
6. Pelantikan mulai 1/9/2005 : PPNS Bil.1/2009 & PP.20/2005
7. Pelantikan mulai 1/1/2009 : PP. 14/2008 & JPAN:100-5/1 Jld.6(8) 12/6/2012
8. PPNS Bil.2/2017- Kadar Kelayakan Kemudahan Cuti Rehat Tahunan bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan



1963 - 1971

(Peraturan Air 1957 (General Order 1957) Bahagian Cuti (C) 239(i) dan General Order 1969 Regulation 90(i))

Maksimum Gaji Pokok	Di bawah 15 tahun perkhidmatan	Lebih 15 tahun perkhidmatan	Tambahan Cuti bagi yang mencapai 40 tahun.
(i) Division I Non-Designated Officers	34	42	6
(ii) Lebih \$620	28	34	4
(iii) Lebih \$310 tetapi tidak lebih \$620	26	30	3
(iv) Lebih \$120 tetapi tidak melebihi \$220	24	27	2
(v) Di bawah \$120	24 (2 hari bagi sebulan)	24 (2 hari bagi sebulan)	.
(vi) IMG	14	14	.

1972 - 1977 (W.E.F 1.1.72)

1. SERVICE CIRCULAR bil: 7, 1971 (Laporan Suffian) berkuatkuasa pada 1 Mei 1969 bagi Pegawai Bahagian IV termasuk IMG dan pada 1 Januari, 1970 bagi Pegawai Bahagian III ke atas.

Maksimum Gaji Bersih di bawah 7/71 (Suffian)	Di bawah 10 tahun perkhidmatan	Lebih 10 tahun perkhidmatan
(i) Lebih \$1,250	25 hari	30 hari
(ii) Lebih \$600 tetapi tidak lebih \$1,250	20 hari	25 hari
(iii) Lebih \$250 tetapi tidak lebih \$600	15 hari	20 hari
(iv) Tidak lebih \$250	12 hari	15 hari
(v) Pegawai yang mencapai umur 40 tahun layak mendapat tambahan cuti 5 hari setahun.		




**KELAYAKAN CUTI DI BAWAH LAPORAN JAWATANKUASA
KABINET (CCR) BIL.1.1978
BKK 1/1/1978**

Kelas Perkhidmatan	Di bawah 10 tahun	Lebih 10 tahun perkhidmatan
Bahagian I	30 hari	35 hari
Bahagian II	25 hari	30 hari
Bahagian III	20 hari	25 hari
Bahagian IV	17 hari	20 hari




Kelayakan Cuti Rehat Di bawah SSB PP 9/91 BKK1/1/1992

GRED / KATEGORI	KURANG 10 TAHUN PERKHIDMATAN	LEBIH 10 TAHUN PERKHIDMATAN
Gred Khas & ke atas dan kategori I – VI	30 hari	35 hari
Kategori VII – VIII	25 hari	30 hari
Kategori IX – XI	20 hari	25 hari



Kelayakkan cuti di bawah SSM


Jawatan/Gred	Kurang 10 Tahun	Genap 10 Tahun
Pengurusan Tertinggi	30 hari	35 hari
31 – 54	30 hari	35 hari
21 – 30	25 hari	30 hari
1 - 20	20 hari	25 hari



Kadar Cuti Rehat Lantikan mulai 1/9/2005

PPNS Bil.1/2009 & PP. 20/2005

Jawatan/Gred	Kurang 10 Tahun	Genap 10 Tahun
Pengurusan Tertinggi	30	30
Gred 31 – 54	30	30
Gred 21 – 30	25	30
Gred 1 – 20	20	25



Kadar Cuti Rehat mulai 1/1/2009

(PP Bil.14/2008)
(JPAN:100-5/1/JLD. 6 bertarikh 12/6/2012)


Jawatan/Gred	Kurang 10 Tahun	Genap 10 Tahun
Pengurusan Tertinggi	25	25
Gred 31 – 54	25	25
Gred 21 – 30	25	25
Gred 1 – 20	20	25



Kadar Cuti Rehat bagi pegawai lantikan kontrak & sementara


mulai 1/1/2009
PP Bil.14/2008

Jawatan/Gred	Kadar cuti rehat (hari)
Pengurusan Tertinggi	25
Gred 31 – 54	25
Gred 21 – 30	25
Gred 1 – 20	20



Kadar kelayakan Cuti Rehat mulai 1/1/2016 (PPNS Bil.2/2017)


Tarikh lantikan pertama/baharu	Kurang 10 tahun perkhidmatan				Genap 10 tahun perkhidmatan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1/9/2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1/9/2005 – 31/12/2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1/1/2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari



Bercuti di luar Malaysia

Peraturan 146

- Kebenaran dari Ketua Jabatan
- SKN jika Ketua Jabatan



Peraturan 147


Cuti – suatu keistimewaan dan bukan suatu hak dan diluluskan tertakluk kepada desakan perkhidmatan. Ketua Jabatan boleh mengarahkan seseorang untuk bercuti, atau menghendaki pegawai bertugas walaupun cutinya telah diluluskan/memendekkan cuti.



Peraturan 148

Cuti rehat tidak genap setahun perkhidmatan


Contoh: pegawai yang baru dilantik dalam
bulan Feb hingga Dis



Pegawai yang akan berhenti kerja

(Peraturan 149)


Tidak akan berkelayakan ambil cuti rehat melebihi kadar cutinya mengikut perkhidmatan yang melayakan



Pegawai yang akan bersara


Peraturan 150

Boleh ambil semua cuti rehat yang dia layak



Membawa ke hadapan cuti yang tidak diambil Peraturan 151


Seseorang pegawai yang tidak dapat mengambil cuti rehat tahunan oleh sebab kepentingan perkhidmatan, boleh dibenarkan membawa baki cuti rehat yang dia berkecualan dalam tempoh dua tahun berturut-turut ke tahun ketiga.



GCR

Peraturan 152

- **Pengumpulan cuti rehat oleh sebab desakan perkhidmatan** – dibenarkan mengumpul cuti rehat untuk ditukarganti dengan wang tunai pada hari terakhir perkhidmatan sebelum bersara. Jumlah yang boleh dikumpul tidak melebihi **150 hari**.



PENGUMPULAN CUTI REHAT SEBAB DESAKAN PERKHIDMATAN (Peraturan 152)

- Tidak melebihi 150 hari
- 5 bulan gaji ($1/30 \times GP + IT \times GCR$)
- Pengumpulan Cuti Rehat dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai



GANTIAN CUTI REHAT

Formula:

$1/30 \times \text{GCR} \times \text{Gaji Akhir} + \text{Imbuhan Tetap (ITP + ITKA + Keraian)}$

Contoh:

GCR = 150 hari

Gaji Akhir + Imbuhan Tetap = RM6800.00

Perkiraan = $1/30 \times 150 \times 6800 = \text{RM34000}$

Award Wang Tunai = **RM34000**




Siapa yang layak dibayar GCR:

Layak:

- Pegawai Tetap/Kontrak/Sementara

Tidak layak:

- Dibuang kerja
- Pekerja Sambilan Harian
- Lantikan politik




PENGUMPULAN GCR BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK (SPPNS BIL.6/2019)

- Tidak melebihi 75 hari
- 15 hari setahun boleh kumpul GCR atau $\frac{1}{2}$ daripada kadar cuti rehat yang bekelayakan pada tahun berkenaan.


Tidak layak:

Cuai/membocorkan maklumat/dibuang kerja




CUTI REHAT KHAS & GCR
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN
(PPNS BIL.4/2018)

- **CRK – 10 hari setahun**
- **GCR tidak melebihi 150 hari**




**GCR LEBIH 150 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI
CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN
(SPPNS BIL.1/2018)**




Pihak Berkuasa meluluskan cuti:

- **Ketua Jabatan**
 - *Cuti rehat
 - *Cuti menunaikan Fardhu Haji
 - *Cuti Umrah
 - *Cuti Keagamaan
- **Setiausaha Kerajaan Negeri**
 - *Cuti separuh gaji
 - *Cuti tanpa gaji
 - *Cuti belajar tanpa gaji
 - *Cuti belajar bergaji penuh



CUTI SEPARUH GAJI (Peraturan 154)

- **Sebab-sebab kesihatan isteri atau suami atau anak pegawai atau ibu bapa atau adik-beradik atau sanak saudara**
- **Kadar yang boleh diluluskan - 30 hari bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan**
- **Maksimum 180 hari**
- **SKN luluskan CSG**
- **Ketua Jab. boleh lulus cuti tidak lebih 14 hari**
- **Telah mengambil semua cuti rehat dahulu**
- **Kelulusan dicatat dalam Buku Perkhidmatan**




CUTI SEPARUH GAJI (Peraturan 154)




CUTI TANPA GAJI (Peraturan 155)

- Sebab persendirian yang mustahak
- 30 hari bagi tiap-tiap genap tahun perkhidmatan
- Maksimum 360 hari
- Kelulusan cuti oleh SKN
- Telah ambil semua cuti rehat dahulu
- Syarat minimum 6 bulan perkhidmatan melayakkan




Cuti ikut suami/isteri berkursus atau bertugas di luar negeri Peraturan 156 (1)



Cuti ikut suami/isteri berkursus atau bertugas di luar negeri Peraturan 156 (1)

- Bertugas di luar Negeri melebihi 12 bulan
- Cuti tanpa gaji
- Kelulusan SKN
- Jawatan mesti Tetap/Percubaan



Tiada gaji bagi tempoh tidak hadir bekerja (Peraturan 157)

- Tidak hadir bertugas bagi sesuatu tempoh tanpa sesuatu sebab / gagal memberikan sebab munasabah
- Tidak berhak mendapat gaji atau emolumen bagi tempoh tidak hadir bekerja.




Jenis cuti atas sebab-sebab perubatan (Peraturan 159)



Jenis cuti atas sebab-sebab perubatan (Peraturan 159)


- Cuti sakit
- Cuti sakit lanjutan
- Cuti pemulihan dan cuti kuarantin
- Cuti bersalin
- Cuti kecederaan; atau
- Cuti sakit tibi, kusta, barah dan penyakit-penyakit kronik dan kritikal yang lain



Sijil sakit perlu untuk mendapatkan cuti sakit

Peraturan 160(1)

- Diberikan oleh Ketua Jabatan/Setiausaha Kerajaan Negeri bila disahkan sebagai tidak sihat untuk menjalankan tugas.
- Surat Akuan Doktor Kerajaan/Swasta
- Maksimum 15 hari setahun




SIJIL SAKIT SWASTA

(PPNS Bil 21/2014)


Boleh diluluskan dengan syarat:-

- a. **Pesakit Luar** (sijil sakit yang dikeluarkan oleh klinik swasta tanpa sokongan Peg. Perubatan Kerajaan boleh diterima) - tidak lebih **15 hari**
- b. **Pesakit dalam** ((sijil sakit yang dikeluarkan oleh klinik swasta tanpa sokongan Peg. Perubatan Kerajaan boleh diterima) -) – tidak lebih **180 hari**



MAKSIMA CUTI SAKIT (Peraturan 161)

- Tidak lebih 90 hari (Ketua jabatan)
- 90 hari (Setiausaha Kerajaan Negeri)..PPPANS 176
- Guna baki cuti rehat kalau masih tidak sihat
- Belum sihat lagi - Tidak layak diberi cuti sehingga diperiksa oleh Lembaga Perubatan




CUTI SAKIT LEBIH 45 HARI SETAHUN (Peraturan 162)

Ambil cuti sakit **45 hari atau lebih tiap-tiap tahun bagi masa tiga (3) tahun berturut-turut** boleh diperiksa kesihatan oleh Lembaga Perubatan




Sakit semasa bercuti di Malaysia (Peraturan 163)

Layak mendapat cuti sakit, baki cuti rehat
yang tidak habis boleh disambung



Sakit semasa bercuti di luar Malaysia (Peraturan 164)


**Tidak layak mendapat cuti sakit. Tetapi layak
mendapat cuti sakit pada tarikh dia patut
balik ke Malaysia**



Sakit semasa CSG / CTG (Peraturan 165)


*Tidak layak cuti sakit sama ada di dalam atau luar Malaysia

*pegawai bercuti di luar Malaysia pada tarikh dia patut balik, layak cuti sakit



Cuti sakit lanjutan (Peraturan 166)


- Selepas cuti sakit bergaji penuh selama 180 hari , cuti rehat dan pegawai itu masih tidak sihat untuk bertugas semula boleh diberi **cuti separuh gaji sehingga 90 hari** dengan perakuan Lembaga Perubatan.
- Jika masih tidak sihat boleh diberi **cuti tanpa gaji tidak lebih 90 hari** dengan diberi elaun bantuan bersamaan separuh gaji.
- **Syor** oleh Lembaga Perubatan untuk **persaraan awal** atas sebab kesihatan



Cuti kerana perkhidmatan ditamatkan atas sebab kesihatan

(Peraturan 317) – PPNS Bil 10/2019

- Pegawai yang telah disyorkan bersara dari perkhidmatan awam oleh Lembaga Perubatan akan diberikan cuti sakit sehingga dia diberitahu bahawa persaraannya telah diluluskan.
- Pegawai yang persaraannya disahkan atas sebab kesihatan, akan diberikan, sebelum persaraannya, semua cuti rehat yang layak diberikan kepadanya mulai dari hari selepas tarikh pengesahan persaraan itu dan jumlah cutinya itu kurang daripada satu bulan maka dia akan diberikan cuti rehat ehsan (ex-gratia) bergaji penuh untuk mengenakan jumlah cutinya menjadi sebulan sebelum persaraannya berkuat kuasa.




KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN



Cuti Kuarantin diberikan kepada pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin.

SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT

- Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)
- Demam Denggi
- Campak (Measles)
- Chickenpox
- Difteria
- Malaria



Public Health Malaysia




HFMD



CUTI KUARANTIN


(Peraturan 168)

- Pegawai balik daripada luar negara dijangkiti penyakit berjangkit akan diberi cuti Kuarantin bergaji penuh
- Cuti kuarantin diberi kepada pegawai yang anaknya mengidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin (5 hari tidak termasuk hari rehat mingguan dan kelepasan am atau tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan)
- Pekeliling – PPNS Bil. 1/2017




CUTI BERSALIN (Peraturan 169)

- ❖ **5 kali dalam tempoh perkhidmatan (Peraturan 170)**
- ❖ **Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.5/2018**
 - Cuti Bersalin bergaji penuh 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan
 - Flexi 60 hari – 90 hari
 - Boleh ambil cuti awal dalam tempoh 14 hari sebelum bersalin
- ❖ **Peraturan 172 PPPANS 2008 & Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri 1/2003**
 - Cuti Isteri Bersalin 7 hari untuk suami - 1/1/2003



CUTI BERSALIN (Peraturan 169)




**CUTI BERSALIN BAGI
PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)
(PPNS BIL.2/2013)**

- **PSH layak diberi 1 bulan cuti bersalin bergaji penuh untuk 1 kali sahaja dalam perkhidmatan.**
- **Suami tidak layak 7 hari cuti (tidak dinyatakan dalam peraturan)**




CUTI REHAT BERGAJI PENUH BAGI PSH

PSH layak 1 hari cuti rehat bergaji penuh bagi setiap kali genap 23 hari bekerja tetapi tidak melebihi 7 hari. Baki cuti rehat yang tidak diambil tidak boleh dibawa ke tahun hadapan.



KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK (PPNS BIL.2/2015 / Peraturan 171)

- 2 jenis:-
 - 1. Cuti Menjaga Anak yang bersambung daripada Cuti bersalin
 - 2. Cuti Menjaga Anak yang tidak terikat dengan cuti bersalin
- * Sehingga anak mencapai umur 5 tahun




KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK (PPNS BIL.2/2015 / Peraturan 171)




CUTI KECEDERAAN/SAKIT KRITIKAL DAN KRONIK

- **Peraturan 173**
 - **Tercedera semasa menjalankan tugas**
 - Cuti sakit Perkara 161
 - Sekiranya belum sembuh, cuti sakit tambahan bergaji penuh diberi sehingga sembuh atau jika tidak sembuh sehingga tarikh disarakan dari perkhidmatan
 - Kelulusan cuti kecederaan oleh SKN
- **Peraturan 176**
- **- Cuti Tibi, Kusta dan Barah**
 - **Pesakit Barah/Kusta - tidak melebihi 24 bulan**
 - **Pesakit Tibi - 12 Bulan**
 - **Cuti tidak lebih 24 bln (KJ) lebih 24 bln (SKN) luluskan**




CUTI MENUNAIKAN FARDHU HAJI




CUTI MENUNAIKAN FARDHU HAJI

- **Peraturan 180(2) - Berjawatan Tetap dan disahkan**
 - Sekali saja sepanjang tempoh perkhidmatan
 - Berkhidmat tidak kurang 4 tahun
 - 40 hari cuti bergaji penuh termasuk cuti hujung minggu dan kelepasan am
 - Ketua Jabatan
- **Peraturan 180(3) - Pegawai Sementara**
 - Berkhidmat 6 tahun secara berterusan



KEMUDAHAN CUTI UMRAH (PPNS BIL.1/2018)

- Tanah suci Mekah & ziarah di Madinah
- 7 hari (tidak termasuk hari rehat mingguan/kelepasan mingguan & am
- Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan
- Kelayakan jawatan bertaraf tetap



KEMUDAHAN CUTI KEAGAMAAN (PPNS BIL 1/2019)


- Bukan beragama Islam
- Mengunjungi tempat-tempat keagamaan mengikut kepercayaan masing-masing
- 7 hari (tidak termasuk hari rehat mingguan/kelepasan mingguan & am
- Sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan
- Kelayakan jawatan bertaraf tetap



CUTI GANTIAN

(Peraturan 181)

- **Cuti Gantian kerana bekerja lebih masa:**
 - _ Gred 41 ke atas
 - Ketua Jabatan
 - Melebihi 7 hari dalam setahun hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Setiausaha Kerajaan Negeri



CUTI TANPA REKOD

Cuti latihan pasukan sukarela (Peraturan 182) (Jadual Kesembilan)

- 30 hari, kelulusan Ketua Jabatan
- Lebih 30 hari guna cuti rehat, kalau tidak cukup minta kelulusan SKN


Contoh:

*RELA

*PUSPANITA

*Simpanan sukarela Polis/Tentera Laut Diraja

*semua badan-badan kebajikan & sukan yang diluluskan oleh SKN



CUTI TANPA REKOD

Cuti menghadiri latihan/khemah pertubuhan persatuan (Peraturan 183) (Jadual Kesepuluh)

- Tidak lebih 14 hari
- dalam keadaan tertentu mengikut budibicara SKN

Contoh:


*Pemadam

*SABATA

*Persatuan Orang-Orang Buta

*Persatuan Bulan Sabit Merah


*St. John Ambulance



CUTI TANPA REKOD

Cuti menduduki peperiksaan (Peraturan 184)

- (Kebenaran Meninggalkan Pejabat Untuk Menduduki Peperiksaan)
 - **Kebenaran daripada Ketua Jabatan**



CUTI TANPA REKOD

(SPPNS BIL.1/2014)

- Kemudahan Cuti Kursus Sambilan Kepada Pegawai yang mengikuti Pengajian Secara Sambilan di IPT dalam Negara
 - Tidak lebih 30 hari setahun
 - Disahkan dalam jawatan
 - Kursus diiktiraf oleh kerajaan



CUTI TANPA REKOD (Peraturan 186)

1. Mengambil bahagian dalam sukan:

- diperingkat jabatan/negeri/antarabangsa
- tempoh yang sewajarnya
- budibicara SKN


2. AJK Pertandingan:

- menjadi AJK pertandingan



CUTI TANPA REKOD BAGI URUSAN KEMATIAN AHLI KELUARGA TERDEKAT (Peraturan 187 & PPNS BIL 11/2015)

- Suami/isteri, anak-anak, ibu/bapa kandung pegawai.
- Ibu/bapa mentua , ibu/bapa angkat serta anak angkat
- **3 hari** bermula pada tarikh kematian atau pada hari berikutnya jika meninggal selepas waktu pejabat termasuk hari rehat mingguan/kelepasan am




BANTUAN MENGURUS JENAZAH (PPNS BIL.3/2011)

- Bantuan diberi kepada waris pegawai atau pihak yang mengurus jenazah
- RM3000; dan bayaran pengangkutan disokong dengan resit


Siapa yang layak:

- Pegawai lantikan Tetap
- Kontrak/Sementara/Sambilan/Pegawai Lantikan Jabatan(Vot Terbuka)




CUTI BERKURSUS TANPA GAJI

- **Peraturan 190**
 - **Berjawatan tetap**
 - **Kursus diiktiraf oleh Kerajaan**
 - **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**
 - **Ditawarkan biasiswa Kerajaan atau perbelanjaan sendiri**
 - **Jawatan sementara atau kontrak hendaklah meletakkan jawatan**
 - **Cuti belajar tanpa gaji, kelulusan oleh SKN**



CUTI BERKURSUS TANPA GAJI




CUTI BERKURSUS BERGAJI PENUH


- **Peraturan 191**
 - **Kursus Peringkat Ijazah Lanjutan (Master) atau Kedoktoran Ph. D.**
 - **Kursus Diploma Lanjutan**
 - **Diiktiraf oleh Kerajaan**
 - **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**



PERUNTUKAN UMUM

- **Peraturan 203**
 - Tidak kembali bertugas setelah cuti habis tanpa sebab-sebab munasabah dianggap tidak hadir bertugas tanpa kebenaran boleh dikenakan tindakan tatatertib






CUTI TAHUNAN ATAS KADAR JAWATAN YANG DIPANGKU

- Pegawai hendaklah memangku tidak kurang dari satu tahun baru boleh memohon
 - Kelayakan di kira daripada mulai memangku jawatan
- Peraturan 113, (1) dan (II)PPPANS 2008






Terbuka untuk cadangan & perbincangan?:

PADA PENDAPAT ANDA APA LAGI KEMUDAHAN CUTI YANG PERLU DINIKMATI?

1. Cuti Tanpa Rekod kahwin sebelum dan selepas (7 hari)
2. Cuti Tanpa Rekod menjaga orang tua 7 hari





SEKIAN

TERIMA KASIH

Bahagian Saraan

Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri

088-368600
